

1. Apakah yang dimaksudkan dengan 'kriptos'?

- A ☐ Sembunyi B ☐ Kriptografi
C ☐ Tulis D ☐ Kajian kemanusiaan

2. Pilih kepentingan perkhidmatan keselamatan data kriptografi yang betul.

- I. **Integriti** A ☐ I, II dan III
II. **Pengesahan** B ☐ I, II dan IV
III. **Kerahsiaan** C ☐ II, III dan IV
IV. **Penyulitan** D ☐ I, III dan IV

3. Apakah itu cipher text?

- A ☐ Teks yang telah melalui proses nyahsulit dan menjadi tidak bermakna.
B ☐ Teks yang melalui proses penyulitan dan bermakna.
C ☐ Teks yang telah melalui proses penyulitan dan menjadi tidak bermakna.
D ☐ Teks yang telah melalui proses nyahsulit dan bermakna.

4. Jenis sifer ini digunakan dalam sifer moden. Apakah jenis sifer yang dimaksudkan?

- A ☐ Sifer Kunci Umum B ☐ Sifer Kunci Simetri
C ☐ Sifer Kunci Asas D ☐ Sifer Kunci Tidak Simetri

5. Berikut adalah maklumat mengenai teks yang telah melalui proses sifer.

Teks biasa	KEHILANGAN KUCING TERSAYANG
Teks sifer	<i>NAGNALIHEK GNICUK GNAYASRET</i>

Apakah kaedah sifer yang digunakan?

- A ☐ Reverse Cipher – Songsangan abjad B ☐ Reverse Cipher – Songsangan perkataan
C ☐ Reverse Cipher – Songsangan seluruh D ☐ Reverse Cipher – Decryption

6. Berikut adalah kaedah sifer menggunakan Caesar Cipher.

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z	A	B	C	D	E

Berdasarkan maklumat tersebut, apakah kunci yang digunakan?

- A ☐ K = 5 B ☐ K = 4
C ☐ K = 6 D ☐ K = 7

7. Berikut adalah simbol bagi kaedah Pigpen Cipher.



Nyahsulit teks sifer tersebut kepada teks biasa.

- A ☐ KESEDIAAN RUMAH B ☐ PERUBAHAN IKLIM
C ☐ PERUMAHAN SEDIA D ☐ PEMBIASAN SINAR

8. Kaedah sifer iaitu Pigpen Cipher agak lemah dan boleh diteka oleh orang lain. Berapakah pilihan yang bakal dijadikan kunci bagi kaedah ini?

- A ☐ 0 B ☐ 2
C ☐ 1 D ☐ 3

9. Menggunakan kaedah Columnar Transposition dan kunci SILAT, berapakah bilangan baris bagi menyulitkan teks biasa ini?

ILMU PERSILATAN DUNIA KITA

- A ☐ 5 baris B ☐ 4.6 baris
C ☐ 6 baris D ☐ 4 baris

10. Apakah maksud K = 4 dalam kaedah sifer Rail Fence Cipher?

- A ☐ Mempunyai 4 lajur B ☐ Mempunyai 8 baris
C ☐ Mempunyai 4 baris D ☐ Mempunyai 8 lajur